

Ek

ECONEWS

M'SIA AKAN CAPAI LEBIH 8 PERATUS PERTUMBUHAN TAHUN INI : PM

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) sebenar Malaysia untuk tahun ini dijangka melebihi lapan peratus, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Tanda-tanda menunjukkan pertumbuhan KDNK sebenar negara pada tahun lalu secara menyeluruh seharusnya mencapai atau melebihi 8.5 peratus, katanya semasa merasmikan rancangan +Pengurusan Penilaian Projek dan Analisa Risiko+ anjuran Kelab Harvard Malaysia, Institut Ahli-Ahli Bank Malaysia dan Institut Pembangunan Antarabangsa Harvard.

Walaupun suasana ekonomi dunia berterusan berada dalam keadaan tidak menentu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata pertumbuhan KDNK sebenar Malaysia telah meningkat kepada 8.8 peratus pada sukuan ketiga tahun lalu daripada 7.5 peratus pada sukuan pertama dan 8.4 peratus pada sukuan kedua tahun itu.

Ekonomi Malaysia telah melonjak kuat sejak 1987 dan pada 1990, ekonomi sebenar berkembang pada 9.8 peratus iaitu salah satu kadar pertumbuhan yang tinggi di dalam dunia dan tertinggi dicapai oleh negara sejak 1976.

Seperti pada tahun-tahun lalu, sebahagian besar daripada pertumbuhan itu akan terus dicetuskan oleh permintaan dalam negeri yang kukuh terutamanya daripada perbelanjaan pelaburan tetap oleh swasta, katanya.

Dalam sembilan bulan pertama 1991, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah meluluskan projek-projek pelaburan baru bernilai \$22,700 juta iaitu hampir menyamai rekod \$28,200 juta yang diluluskan pada seluruh 1990.

+Kegiatan pelaburan yang amat pesat itu seharusnya dapat membawa Malaysia menikmati pertumbuhan ekonomi yang wajar paling kurang untuk setahun lagi atau dua tahun,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Bagaimanapun, katanya dalam menguruskan kejayaan ekonominya, Malaysia sekarang menghadapi dua isu yang berat iaitu tekanan-tekanan yang bersifat inflasi dan kedudukan imbalan pembayaran yang lemah.

Perangkaan terbaru menunjukkan Indeks Harga Pengguna Malaysia (IHP), yang mengukur kadar inflasi, telah meningkat lagi kepada 4.4 peratus dalam 10 bulan pertama 1991, daripada paras terendah 0.4 peratus dalam 1985 kepada lebih tiga peratus pada 1990.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata adalah penting untuk melihat isu-isu inflasi dan kedudukan pembayaran luar negeri dalam perspektif yang betul.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: + peningkatan harga terbaru ini sebahagian besarnya berpunca daripada kenaikan tinggi perbelanjaan pengguna, yang bersama-sama perbelanjaan pelaburan swasta yang besar, telah jelas menegangkan sumber-sumber kita yang terhad.+

Untuk mengendurkan keadaan itu, tambahnya, kerajaan telah pun mengambil tindakan-tindakan kewangan untuk mengurangkan perbelanjaan berlebihan dan menggalakkan tabungan.

Mengenai kedudukan pembayaran luar negeri, Datuk Seri Dr Mahathir berkata defisit akaun semasa 1991 dijangkakan paling banyak mencapai lapan atau sembilan peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK), +sudah tentu tidak akan mencapai defisit 14 peratus seperti yang dialami pada 1982+.

+Yang lebih penting, defisit hari ini umumnya mencerminkan kenaikan tinggi dalam pengimportan loji dan peralatan permodalan yang berkaitan dengan kemasukan langsung pelaburan asing,+ katanya.

+Selepas tempoh belum matang yang wajar, pelaburan-pelaburan dalam keupayaan produktif baru ini seharusnya membawa pertumbuhan tinggi dalam eksport dan membantu mengukuhkan kedudukan akaun semasa dalam tempoh pertengahan.+

Katanya lagi bahawa tidak seperti pada awal 1980an ketika defisit ditampung melalui pinjaman-pinjaman kerajaan yang banyak dari luar negeri, defisit pada masa ini ditanggung semuanya oleh kemasukan langsung pelaburan dan pelaburan semula asing.

+Hutang luar Malaysia sekarang telah menurun secara progresif sehingga menjelang 1991, nisbah perkhidmatan hutang seharusnya berkurangan menjadi kira-kira 6.5 peratus,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir.

+Akhirnya, apa yang lebih penting ialah kedudukan imbalan pembayaran keseluruhannya yang meliputi kedua-dua akaun semasa dan akaun modal, katanya lagi.

Berdasarkan ini, katanya kekuatan imbalan pembayaran Malaysia adalah diluar celaan. Ia telah berada dalam keadaan lebihan dalam 1991, seperti dalam 1990, yang dibuktikan dengan pengumpulan besar rizab antarabangsa baru-baru ini yang dipegang oleh Bank Negara.

+Dilihat pada perspektif ini, masalah defisit dalam akaun semasa menjadi kurang menakutkan,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir. -- Bernama